

05/08/1998

Jangan ambil mudah (HL)

Saodi Mat Atar; Daud Awang

JOHOR BAHRU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Singapura supaya jangan ambil mudah kebaikan Malaysia kerana negara ini sentiasa mahu berbaik-baik dengan jirannya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia hanya menuntut supaya Singapura memberikan layanan yang tidak lebih daripada apa diberikan oleh negara ini kepada republik itu.

"Bertimbang rasalah sikit, kerana kami bertimbang rasa. Kita nak berbaik-baik dan janganlah take for granted kebaikan kita. Saya tak mahu bercakap lebih daripada itu, tapi dengar... dengar... dengar," ujar beliau di hadapan kira-kira 10,000 hadirin Perhimpunan Bersama Rakyat di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru di sini, petang ini.

Dr Mahathir merujuk kepada arahan Kerajaan Singapura agar Malaysia memindahkan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia di republik itu dari stesen kereta api Tanjong Pagar ke Woodlands.

KIK Singapura tetap memulakan operasinya di Woodlands mulai Sabtu lalu selepas 66 tahun bersama-sama memberi perkhidmatan di Stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Tanjong Pagar. Bagaimanapun, Malaysia memutuskan tidak berpindah dari tempatnya sekarang, di tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di Tanjong Pagar.

Keadaan itu membuatkan imigresen Malaysia mengubah prosedurnya tanpa mengecop pasport penumpang yang memasuki negara ini bagi mengelak mereka menghadapi masalah dalam amalan imigresen antarabangsa.

Sambil menegaskan, beliau tidak bermaksud membakar hati rakyat Malaysia dengan membuat ingatan yang keras itu, Perdana Menteri mahukan republik itu memberi perhatian kepada apa yang berlaku sekarang.

"Kenyataan adalah kenyataan," tegas Dr Mahathir ketika meminta Singapura menyedari apa yang berlaku antara kedua-dua negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak mahu bersengketa dengan mana-mana pihak, apa lagi ketika negara sibuk menangani masalah lebih besar iaitu penjajahan semula Barat dalam bentuk ekonomi.

Beliau menjelaskan, Malaysia bukan bermusuhan dengan republik berkenaan, malah selama ini banyak perdagangan negara ini menggunakan Pelabuhan Singapura, selain sentiasa membekalkan air ke negara itu.

"Kita cuba sedaya upaya untuk berbaik-baik... kita tak ada laporan yang tidak baik terhadap Singapura. Bahkan, saya berjumpa dengan pemimpin Singapura untuk menjalin hubungan erat. Tetapi apakah balasan yang kita terima?"

"... Menyuruh kita keluar dari Singapura... pegawai kita disuruh keluar dari Singapura sedangkan kita membekalkan air kepada mereka," ujarinya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, menteri Kabinet dari Johor, pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan pemimpin masyarakat.

Perdana Menteri yang sebelum ini mengumumkan ketegasan kerajaan mengekalkan KIK Malaysia di Tanjong Pagar, menyentuh isu berkenaan pada akhir ucapannya selama lebih sejam.

Sejak isu itu timbul, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong tidak pernah mengeluarkan kenyataan rasmi bagi menyatakan pendirian republik itu dan Malaysia sentiasa didesak memindahkan KIKnya dari Tanjong Pagar.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mempersoalkan mengapa Singapura cuba menyusahkan pegawai dan jabatan negara ini yang sudah lama berkhidmat

serta beroperasi di republik itu, sedangkan Malaysia tidak pernah mengganggu harta Singapura di sini.

"Apakah kerana kita mempunyai dua tiga pejabat di sana (Singapura), ini menjadi satu masalah besar. Pejabat dan pegawai ini pula diletak atas tanah milik kita, bukan milik orang.

"Mereka (Singapura) juga mempunyai harta di sini, tapi kita tidak pernah kacau," katanya.

Beliau menegaskan, layanan yang diperlukan oleh Malaysia hanyalah sedikit dan kewujudan pejabat serta pegawai negara ini di republik itu tidak akan menyebabkan sesebuah negara itu runtuh.

Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip memakmurkan jirannya kerana langkah memperkayakan jiran akan menjadikan kedua-dua negara saling beruntung.

"Malaysia bukan jenis negara yang suka menyusahkan orang... yang suka menyerang orang, kita suka berbaik-baik dengan semua orang. Kita tidak pun mengadakan angkatan tentera yang besar untuk menyerang sesiapa," katanya.

(END)